

berita Metro - 20/4/2016

Kuala Nerus

Dedah ilmu gerbang perkahwinan

Peningkatan kes kegagalan rumah tangga membabitkan golongan muda mendorong Majlis Kolej Kediaman A (MKK A) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) menganjurkan Kursus PraGerbang Sakinah Perkahwinan.

Kursus yang dijalankan selama dua hari membabitkan 107 penuntut universiti berkenaan di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak pada 9 April lalu.

Ketua Biro Kebajikan & Keselamatan MKKA A, Nur Afiqah Othman berkata, program itu bertujuan memberi pendedahan awal kepada penuntut UniSZA mengenai konsep kehidupan sebelum

memasuki alam perkahwinan.

“Peserta diberi pencerahan mengenai ilmu berkaitan alam rumah tangga berlandaskan Islam secara keseluruhannya melalui slot akhlak, akidah dan ibadah.

“Walaupun masih bergelar penuntut universiti, ia bukan alasan untuk menghalang atau menjadikan mereka tidak layak untuk mendalami ilmu alam perkahwinan sebaliknya dijadikan persediaan awal sebelum melangkah ke alam rumah tangga,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Menurutnya, sebanyak 11 slot ceramah disediakan dan disampaikan penceramah yang bertaualiah dalam program selama dua hari itu.